

## Fakta Sejarah dan Proses Kreatif Filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)*

SITI NUR IZRA SAFRA' ABDUL HALIM  
NUR AFIFAH VANITHA ABDULLAH  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)* merupakan filem sejarah arahan Syamsul Yusuf yang berinspirasi tokoh sejarah Mat Kilau. Filem ini telah berjaya meraih gelaran 'box office' dengan kutipan sebanyak RM 90 juta dalam tempoh 33 hari tayangan. Walaupun filem ini mendapat kutipan yang tinggi, terdapat beberapa ahli akademik telah mendakwa fakta sejarah dalam filem ini adalah tidak benar. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan menjawab persoalan "apakah proses kreatif yang telah dilalui oleh filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)* bersandarkan kepada sejarah tokoh Mat Kilau?". Bagi menjawab persoalan ini, aspek watak dan perwatakan, peristiwa serta budaya akan diteliti dengan membandingkan filem dengan sejarah tokoh Mat Kilau berdasarkan teori intertekstualiti. Data bagi artikel ini diperolehi daripada reka bentuk kajian kualitatif. Metodologi utama bagi memperoleh data kajian adalah dengan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian yang dirakam dalam artikel ini adalah aspek watak dan perwatakan serta peristiwa dalam filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)* telah mengalami tiga prinsip intertekstualiti iaitu transformasi, ekspansi dan eksistensi. Manakala, aspek budaya dalam filem ini telah mengalami prinsip transformasi serta modifikasi. Aspek budaya yang mengalami prinsip tersebut dapat dikategorikan kepada budaya kebendaan yang meliputi senjata dan busana serta budaya bukan kebendaan seperti silat dan bahasa pertuturan.

**Kata kunci:** *Adaptasi, filem Melayu, filem sejarah, kritikan filem, Mat Kilau.*

## Historical Facts and Creative Process in *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)*

### ABSTRACT

*Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)* is a historical film directed by Syamsul Yusuf inspired by the historical figure Mat Kilau. This film has successfully won the title 'box office' with a collection of RM 90 million within 33 days of screening. Even though this movie managed to collect high gross, there are some groups of academics who have claimed that the historical facts in this movie are not true. This article aims to answer the question of "what are the creative process that *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)* have gone through based on the history of Mat Kilau?". Aspects of characters, events and culture will be examined by comparing the film *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)* based on the theory of intertextuality. Data for this article was gathered from a qualitative research design. The main methodology for obtaining data is through content analysis. The findings of the article found that aspects of character and events in *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)* have experienced three principles namely transformation, expansion and existence. Meanwhile, the cultural aspects in this film has experienced the principles of transformation and modification. Aspects of culture that experience the principle can be categorized into material culture which includes weapons and clothing as well as non-material culture such as martial arts and spoken language.

**Keywords:** *Adaptation, Malay film, historical film, film criticism, Mat Kilau.*

## PENGENALAN

Pada 23 Jun 2022, filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* (Syamsul, 2022) [dirujuk sebagai *MKKP (2022)* selepas ini] yang diinspirasikan daripada pahlawan Mat Kilau telah ditayangkan di pawagam seluruh Malaysia termasuklah Singapura dan Brunei (Zaidi Mohamad, 2022). Filem arahan Syamsul Yusuf ini merupakan filem pertamanya di bawah syarikat penerbitan Studio Kembara yang dikendalikan oleh Abdul Rahman Mt. Dali dan Shahrudin Mat Dali. Filem ini telah menampilkan pelakon utama iaitu Adi Putra yang membawa watak sebagai Mat Kilau. Seramai 30 orang kru produksi daripada Malaysia dan Indonesia telah terlibat dalam mengusahakan filem ini. Filem ini telah berjaya meraih kutipan sebanyak RM 90 juta dalam tempoh 33 hari tayangan sekaligus telah memenangi Anugerah Khas Filem *Box Office* Festival Filem Malaysia ke-32 (FFM32) (Astro Awani, 2022).

Kemunculan pahlawan Mat Kilau di Pahang bertitik tolak daripada pembangunan balai polis di Lubuk Terua oleh pihak British pada tahun 1890. Mat Kilau atau nama sebenar beliau Muhammad Kilau bin Rasu dilahirkan pada tahun 1866 di Kampung Masjid, Pulau Tawar, Jerantut, Pahang (Talib & Azhar, 2013). Penentangan Mat Kilau terhadap British mula direkodkan dalam sejarah pada April 1892 apabila beliau membantu Tok Gajah mengumpul pasukan untuk melancarkan serangan di Kuala Lipis (Buyong, 1972; Gopinath, 1990). Perjuangan Mat Kilau menentang British berlanjutan sehingga tahun 1894 apabila Mat Kilau dan pengikutnya berpindah randah bersembunyi di Kelantan dan Terengganu. Pada 26 Disember 1969, Mat Kilau telah keluar daripada persembunyiannya dan mengisytiharkan diri beliau sebagai Mat Kilau (Talib, 2013).

Walaupun Filem *MKKP (2022)* meraih kutipan *box office*, filem ini berhadapan dengan pelbagai isu dan kritikan berhubung pemaparan fakta sejarahnya. Justeru, persoalan yang ingin dijawab dalam artikel ini adalah apakah proses kreatif yang telah dilalui oleh watak dan perwatakan, peristiwa dan budaya dalam filem *MKKP (2022)* bersandarkan teori intertekstualiti oleh Julia Kristeva (1980).

## TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Sorotan daripada kajian lepas mendapati terdapat jurang ilmu yang ketara berhubung filem *MKKP (2022)*. Oleh itu, bahagian ini akan meneliti kajian-kajian lepas berkaitan filem sejarah. Terdapat 14 buah kajian telah dijalankan terhadap filem sejarah yang terdiri daripada artikel jurnal, tesis Sarjana Muda, tesis Sarjana dan penulisan berbentuk deskriptif dalam majalah (Mohd Pauzi, 2011; Rosaini, 2011; Siti Rahimah, 2013; Ariff, 2014; Mohamed Nazreen, 2014; Mohamed Nazreen & Md Salleh, 2015; Nur Shaeda, 2017; Fairuladlan, Nasirin & Nur Syahirah, 2021a, 2021b; Nor Hafidah, Melor & Rohaya, 2018; Fairuladlan, 2018; Mohamad Nazreen, Md. Salleh & Sahidin, 2020; Muhammad & Mastura, 2021; Ayu, 2021). Kajian-kajian lepas berkaitan filem sejarah cenderung membincangkan tentang teknik pembikinan filem, watak wanita, adaptasi, nilai murni, elemen patriotisme, aspek bahasa dan aspek sejarah. Namun daripada 14 filem sejarah tersebut hanya tiga kajian lepas tentang filem sejarah yang meneliti proses adaptasi.

Mohamed Nazreen (2014) menerusi artikel dalam majalah *Tunas Cipta* yang bertajuk “Filem *Hikayat Merong Mahawangsa*: Interpretasi dan Komersialisme” mengkaji proses adaptasi yang berlaku dalam naratif filem *Hikayat Merong Mahawangsa (2011)*. Penulisan tersebut menggunakan teori adaptasi oleh John M. Desmond dan Peter Hawkes (2006) bagi mengenal pasti bentuk dan kaedah adaptasi yang digunakan oleh pengarah filem dan penulis skrip. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa plot yang telah dikekalkan, ditambah dan dibuang. Manakala, bagi aspek watak, terdapat beberapa watak yang dikekalkan seperti

Merong Mahawangsa, lanun Geroda, Putera Rom, Puteri China dan Sultan Mudzafar Shah. Selain pengekal, terdapat juga watak yang ditambah dalam filem ini seperti Taji, Kamawas, Embok dan Lang. Dari sudut gaya penulisan, didapati penulis skrip telah merombak sepenuhnya. Walau bagaimanapun, artikel tersebut cenderung membincangkan kaedah adaptasi yang digunakan dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa (2011)*. Manakala, artikel ini membincangkan proses kreatif yang dilalui oleh filem *MKKP (2022)*.

Artikel Mohamed Nazreen dan Md Salleh (2015) yang bertajuk “Adaptasi Teks *Hikayat Merong Mahawangsa* kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif” membandingkan filem *Hikayat Merong Mahawangsa (2011)* dengan teks sumbernya dari sudut unsur naratif iaitu plot, watak, latar, gaya penulisan dan tema bagi meneliti persamaan dan perbezaan antara filem dengan teks asal. Teori Adaptasi oleh Desmond dan Hawkes (2006) diaplikasikan sebagai kerangka analisis untuk merungkai persoalan kajian. Hasil kajian yang dirakamkan dalam artikel ini adalah bentuk “adaptasi longgar” telah digunakan oleh pengarah dan penulis skrip filem ini. Sebahagian besar unsur naratif yang terdapat dalam teks asal tidak ditampilkan di layar perak. Terdapat banyak unsur yang digugurkan dan ditokok tambah bagi disesuaikan dengan jalan cerita filem, iaitu teks baharu. Perbezaan artikel Mohamed Nazreen dan artikel ini adalah dari segi subjek kajian. Artikel tersebut tertumpu kepada proses adaptasi dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa (2011)*, sementara artikel ini meneliti proses kreatif yang dilalui oleh filem *MKKP (2022)*.

Melalui artikel yang bertajuk “Adaptasi Teks Sejarah Kepada Filem: Kajian Bandingan Teks Sejarah Kerajaan Melayu Patani kepada Filem *Queens of Langkasuka*” yang dikaji oleh Mohamed Nazreen et al. (2020) membandingkan filem *Queens of Langkasuka* dengan teks Sejarah Kerajaan Melayu Patani untuk mengkaji teknik adaptasi yang diaplikasi oleh pengarah dalam filem tersebut. Teori Adaptasi oleh Desmond dan Hawkes (2006) diaplikasikan untuk membantu menjawab persoalan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa pengarah filem menggunakan ketiga-tiga teknik adaptasi iaitu penambahan, pembuangan dan pengekal sebagai asas pembikinan filem adaptasi *Queens of Langkasuka*. Walau bagaimanapun, subjek kajian kedua-dua artikel ini berbeza. Artikel Mohamad Nazreen et al. (2020) meneliti proses adaptasi filem *Queens of Langkasuka*, manakala artikel ini memfokuskan proses kreatif yang dilalui oleh filem *MKKP (2022)*.

## METODOLOGI

Data bagi artikel ini diperolehi melalui kajian berbentuk fundamental dengan menggunakan kaedah kualitatif. Instrumen utama yang digunakan adalah analisis kandungan bagi meneliti sumber kajian dalam bentuk bercetak dan juga digital. Sehubungan itu filem *MKKP (2022)* telah ditonton dan dianalisis bersandarkan kerangka kajian ini. Sumber kajian ini termasuk dokumentasi sejarah Mat Kilau. Artikel ini mengaplikasi teori intertekstualiti oleh Julia Kristeva. Teori yang terhasil daripada konsep dialogik Bakhtin adalah bertujuan meneliti hubungan antara hipoteks (karya asal) dan hiperteks (karya baharu). Kristeva berpendapat bahawa pengarang tidak mencipta karya daripada pemikiran asli mereka sebaliknya menghimpun teks-teks yang sedia ada, iaitu melalui teks individu dan teks sosial (Kristeva, 1980, hlm. 66). Menurut Kristeva, berdasarkan rumus intertekstual, proses kreatif seseorang bertitik tolak daripada teks awal melalui beberapa proses perubahan, penyerapan atau petikan (Mawar, 2010, hlm. 34). Kajian intertekstualiti juga menggabungkan unsur luaran dan unsur dalaman (Shuib, 2005). Unsur luaran adalah seperti sejarah, budaya dan agama, manakala unsur dalaman pula ialah aspek-aspek seperti tema, plot, watak dan perwatakan,

latar dan bahasa. Justeru, penggunaan teori ini dalam sesebuah kajian akan menjadikan aspek struktur sebagai landasan dalam penelitian sesebuah karya. Menerusi teori intertekstualiti, Kristeva telah menggariskan sepuluh prinsip iaitu transformasi, modifikasi, demitefikasi, ekserp, konversi, eksistensi, defamiliarisasi, paralel, ekspansi dan haplologi.

#### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Terdapat persamaan dan perbezaan dalam watak dan perwatakan, peristiwa dan budaya dalam filem *MKKP (2022)* jika dibandingkan dengan peristiwa bersejarah Mat Kilau. Perbincangan dan analisis seterusnya dikupas bersandarkan teori intertekstualiti dan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu watak dan perwatakan, peristiwa dan budaya.

#### WATAK DAN PERWATAKAN

Watak dan perwatakan dalam filem *MKKP (2022)* telah melalui transformasi, ekspansi dan eksistensi dalam proses penghasilan peristiwa asal ke bentuk filem. Transformasi watak dan perwatakan dapat dikenal pasti melalui penyalinan dan pemindahan nama, latar belakang dan perwatakan menerusi hipoteks (teks sejarah) ke hiperteks (filem). Ekspansi watak dan perwatakan pula dikenal pasti menerusi pengembangan dan peluasan yang dilakukan terhadap perwatakan watak. Manakala, eksistensi watak dan perwatakan diteliti menerusi penambahan watak yang diwujudkan oleh Syamsul Yusuf ke dalam filem. Oleh itu, analisis watak dan perwatakan akan dibahagikan kepada tiga prinsip yang terlibat iaitu transformasi, ekspansi dan eksistensi.

##### *a. Transformasi*

Watak-watak protagonis (Mat Kilau) dan sampingan telah melalui transformasi dari segi penyalinan nama, latar belakang dan perwatakan. Watak sampingan yang terlibat dalam transformasi ini adalah watak Yang Chik, Omar, Awang, Tok Gajah, Dato' Bahaman, Mufti Botok Hj. Uthman, Hj. Sulong, Kleubi, Mat Lela, Kapten H.C. Syers, J.P Rodger, Hugh Clifford, Profesor Cameron, Goh Hui dan Ghuram Singh. Menerusi 16 watak yang telah melalui proses transformasi, hanya watak Mat Kilau yang disalin dan dipindahkan nama, latar belakang dan perwatakannya ke dalam filem. Mat Kilau digambarkan fizikalnya sebagai seorang pemuda yang berusia dalam lingkungan 30-an, berbadan sederhana sasa dan berkulit sawo matang. Bagi latar belakangnya, beliau dipaparkan mempunyai seorang isteri bernama Yang Chik dan seorang anak lelaki bernama Omar. Beliau juga dipaparkan sebagai anak dan murid silat Tok Gajah dan bekas murid Mufti Botok Haji Uthman. Jadual berikut memperincikan sumber dan proses transformasi yang dilalui oleh watak Mat Kilau.

Jadual 1: Transformasi watak dan perwatakan Mat Kilau

Hipoteks	Hiperteks
Isterinya yang pertama bernama Yang Chik Bte Daud, dengannya telah mendapat empat orang anak iaitu Omar, Khalid, Mat Ali dan Khadijah. (Talib, 2007, hlm. 33)	Babak ini memaparkan Mat Kilau berada di dalam rumahnya dan sedang berbual bersama-sama anaknya Omar dan isterinya Yang Chik. (16:13 hingga 17:48)
Beliau belajar ilmu mempertahankan diri dan bersilat daripada orang. Antaranya, termasuklah bapanya sendiri, Tuk Gajah, Pendekar Mat Arif, dan beberapa orang lain menurunkan ilmu kependekaran kepadanya untuk bekalan pada waktu kecemasan. (Talib & Azhar, 2013, hlm. 13)	Babak ini memaparkan Mat Kilau, Awang, Wahid, Yasin dan Brahim mendengar nasihat daripada guru silat mereka iaitu Tok Gajah setelah selesai latihan pertarungan. (minit 09:46 hingga minit 11:09)

Haji Othman atau To' Bontok ialah suami Nobah, dia diambil oleh Dato' Gajah sebagai guru agama kepada anak buahnya. To' Gajah juga menyerahkan dua orang anaknya menjadi anak angkat Haji Othman untuk berguru kepadanya, mereka ialah Awang Bedui dan Mat Kilau sendiri.

(Talib, 2007, hlm. 38)

Dalam babak ini juga, dapat dilihat Mat Kilau menggunakan panggilan "ayah" untuk merujuk kepada Tok Gajah. Hal ini dapat dilihat dalam dialog di bawah:

Mat Kilau: Baik Ayah! Memang kami tak boleh mengubah masa. Tapi kami akan usaha dan manfaatkan agar menjadi berkat dengan doa dan ilmu.

(minit 10:00 hingga minit 10:19)

Babak ini memaparkan Mufti Botok Haji Uthman menyatakan bahawa Mat Kilau merupakan bekas anak muridnya yang mempunyai ilmu agama yang tinggi.

(minit 23:43 hingga minit 23:50)

Sumber: *Menelusuri Perjuangan Tiga Tokoh (Rawa) Pahang: Tok Shahrom, Tok Gajah dan Mat Kilau* (Talib & Azhar, 2013), *Jejak Pahlawan Mat Kilau Tokoh Pahalawan Nasional* (Talib, 2007) dan Filem *MKPP* (Syamsul, 2022)

Mat Kilau dipaparkan sebagai seorang pemuda yang gagah dan mempunyai sifat kepahlawanan yang tinggi. Antara babak yang menggambarkan perwatakan Mat Kilau yang ini adalah babak latihan silat bersama Awang, Wahid dan Brahim pada minit 06:10 hingga minit 09:09 dan babak kemenangan Mat Kilau ke atas Mat Lela pada minit 25:12 hingga minit 26:47. Ini adalah salah satu transformasi perwatakan Mat Kilau yang diperincikan melalui jadual di bawah:

Jadual 2: Transformasi watak dan perwatakan Mat Kilau

Hipoteks	Hiperteks
Memang kita tidak menafikan Mat Kilau memang seorang pahlawan Melayu yang handal. Bermacam-macam ilmu yang tersemat di dadanya yang boleh dimanfaatkan oleh generasi hari ini. (Talib & Azhar 2013, hlm. 21)	Babak ini memaparkan Mat Kilau dan rakannya Awang, Wahid, Brahim dan Yassin mengadakan latihan pertarungan sesama sendiri. Menerusi adegan tersebut, Mat Kilau berjaya mengalahkan ketiga-tiga rakannya itu. (minit 06:10 hingga minit 09:09)

Sumber: *Menelusuri Perjuangan Tiga Tokoh (Rawa) Pahang: Tok Shahrom, Tok Gajah dan Mat Kilau* (Talib & Azhar, 2013) dan Filem *MKPP* (Syamsul, 2022)

Selain itu, filem ini juga memaparkan perwatakan Mat Kilau sebagai seorang yang alim dan berpegang teguh kepada agama. Terdapat lapan babak dalam filem yang memaparkan sifat alim Mat Kilau (13:45; 14:53; 31:52; 59:19; 71:41; 95:06; 95:06-96:11; 112:40-113:14). Tujuh daripada babak tersebut dipaparkan secara lisan iaitu melalui dialog yang dituturkan oleh Mat Kilau. Manakala, hanya satu babak sahaja yang memaparkan kealiman Mat Kilau secara perbuatan iaitu melalui babak solat jemaah sebelum memulakan peperangan pada minit ke 95:13 hingga minit 95:25. Perwatakan alim watak Mat Kilau dalam filem ini telah ditransformasikan oleh Syamsul Yusuf menerusi sejarah tokoh Mat Kilau seperti di bawah:

Beliau pendekar yang alim dan kuat beribadat.

(Talib & Azhar, 2013, hlm. 13)

## b. Ekspansi

Menerusi 16 watak yang telah ditransformasi oleh Syamsul Yusuf, tiga daripadanya telah melalui prinsip ekspansi. Watak-watak yang terlibat ialah Kapten H.C. Syers, Awang, dan Goh Hui. Syamsul Yusuf telah mengekskandikan tiga watak ini dengan mengembangkan perwatakan dan juga jangka hayat watak. Menerusi tiga watak tersebut, kesemuanya mengalami pengembangan perwatakan. Hanya watak Goh Hui sahaja yang diekspandikan jangka hayatnya. Misalnya, perwatakan Awang dikembangkan menjadi seorang yang degil dan mempunyai daya saing yang kuat sebagai suatu usaha untuk mewujudkan konflik antara Awang dan Mat Kilau. Manakala, watak Kapten H.C. Syers dikembangkan menjadi seorang yang kejam terhadap orang Melayu. Watak Goh Hui pula dikembangkan menjadi seorang pembelot yang berpihak kepada British bagi menggerakkan watak Pak Deris untuk menjadi pembelot kepada orang-orang Melayu dan berfungsi untuk membantu pihak British dalam usaha menentang kebangkitan orang Melayu di Pahang. Walau bagaimanapun, menurut Gopinath (1991), Goh Hui telah mati dibunuh pada Februari 1888. Namun, menerusi filem *MKKP (2022)*, Goh Hui dipaparkan masih hidup dan menjadi tali barut pihak British pada tahun 1892 dan dibunuh oleh Pak Deris. Justeru, jelas bahawa watak Goh Hui bukan sahaja telah dikembangkan perwatakannya tetapi juga telah dipanjangkan jangka hayatnya dari tahun 1888 hingga tahun 1892. Pengembangan jangka hayat watak Goh Hui ini adalah bertujuan untuk membantu British menentang orang-orang Melayu di Pahang.

### *c. Eksistensi*

Aspek watak dan perwatakan dalam filem *MKKP (2022)* telah melalui prinsip eksistensi yang ketara. Hal ini dapat dikenal pasti menerusi 11 watak sampingan yang tidak tercatat dalam sejarah tokoh Mat Kilau ditambah ke dalam filem. 11 watak yang dieksitensikan oleh Syamsul Yusuf dapat dikategorikan kepada satu watak antagonis iaitu Toga dan 10 watak sampingan yang terdiri daripada Wahid, Yassin, Brahim, Usup, Mamat, Lazim, Seman, Rokiah, Dato' Raja Haji Muhamad dan Pak Deris. Penambahan watak-watak ini tidak melibatkan proses pemanjangan cerita daripada hipoteks dan tiada kaitan langsung dengan teks yang asal. Watak-watak ini diwujudkan ke dalam filem dan mempunyai peranan yang tersendiri. Kesemua watak sampingan yang dimasukkan oleh Syamsul ini merupakan watak rekaan yang tidak berpandukan hipoteks sejarah dan mempunyai peranan yang tersendiri dalam filem.

## PERISTIWA

Penelitian terhadap aspek peristiwa dilakukan mengikut teknik struktur tiga babak oleh Syd Field (1990). Dengan menggunakan teknik ini, peristiwa akan diteliti mengikut kategori babak iaitu babak permulaan, pertengahan dan pengakhiran. Menerusi penelitian, dapat dikenal pasti bahawa aspek peristiwa telah melalui tiga prinsip intertekstualiti iaitu transformasi, ekspansi dan eksistensi.

### *a. Transformasi*

Terdapat empat peristiwa yang telah ditransformasi daripada teks *Sejarah Pahang (1972)* ke dalam filem iaitu dua peristiwa dalam babak permulaan, satu peristiwa dalam babak pertengahan dan satu peristiwa dalam babak pengakhiran. Menerusi babak permulaan, dua peristiwa telah mengalami proses transformasi dari segi penyalinan idea, penyalinan watak yang terlibat dan latar tempat berlakunya peristiwa. Peristiwa tersebut adalah peristiwa Kapten H.C. Syers datang ke Sungai Tembeling dan peristiwa penemuan emas di Kuala Tembeling. Walau bagaimanapun, kedua-dua transformasi peristiwa ini turut mengalami

pengubahsuaian yang ketara. Pengubahsuaian ini dilakukan kerana teks sejarah dan filem merupakan medium yang berbeza.

Jadual 3: Transformasi peristiwa Kapten H.C. Syers datang ke Sungai Tembeling

Hipoteks	Hiperteks
“Mulai pada 12 haribulan Julai hingga 12 haribulan Ogos tahun 1889 itu, Kapten Syers yang telah ditugaskan mengator [mengatur] pasokan polis di negeri Pahang itu dengan membawa lapan puluh orang mata2 [mata-mata] polis terdiri daripada orang2 [orang-orang] Melayu dan Sikh, telah melawat ka-merata-rata negeri Pahang iaitu ka- Chenor, Temerloh, Lubok Terua, Tembeling, Jelai, Kuala Lipis, Penjum, Teras dan Bentong.” (Buyong, 1972, hlm. 243)	Babak ini dimulai dengan gambaran suasana kampung di Kuala Tembeling pada tahun 1890 yang didiami aman oleh penduduk Melayu. Kapten H.C. Syers bersama-sama askar-askar Sikh dan dua orang pembunuh upahan telah menimbulkan huru-hara di kampung tersebut. Kapten H.C. Syers bertindak kejam dengan membunuh penduduk kampung yang enggan memberi informasi tentang keberadaan tiga orang yang dicari itu iaitu Mamat, Lazim dan Seman. (1:18 hingga minit ke 6:00)

Sumber: *Sejarah Pahang* (Buyong, 1972) dan Filem *MKKP* (Syamsul, 2022)

Jadual di atas membuktikan pemindahan idea peristiwa kedatangan Kapten H.C. Syers ke Kuala Tembeling daripada teks Sejarah Pahang (1972). Namun, terdapat perubahan pada tahun kedatangan Kapten H.C. Syers iaitu 1889 ditukar kepada 1890, pengguguran terhadap kawasan-kawasan lawatan lain dan juga pengembangan plot terhadap idea.

Peristiwa kedua yang turut melalui prinsip transformasi ialah peristiwa penemuan emas di lombong emas Kuala Tembeling pada minit 11:52 hingga minit 12:30 seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 4: Transformasi peristiwa penemuan emas di Kuala Tembeling

Hipoteks	Hiperteks
“Adapun tanah kawasan melombong di Penjum itu telah dipajakkan oleh Sultan Ahmad kepada George Scaife, Haji Arshad dan Muhammad Tahir (orang2 [orang-orang] Melayu Singapura) sejak bulan April tahun 1885 lagi. Sabuah kawasan yang luas di-Jelai telah dipajakkan oleh Sultan Ahmad kepada William Cameron” (Buyong, 1972)	Babak ini memaparkan pekerja berbangsa Cina di kawasan perlombongan telah menemui seketul emas ketika melombong. Profesor Cameron yang melihat penemuan emas tersebut dipaparkan tersenyum kegembiraan dengan hasil bumi yang dijumpai tersebut. (minit 11:52 hingga minit 12:30)

Sumber: *Sejarah Pahang* (Buyong, 1972) dan Filem *MKKP* (Syamsul, 2022)

Idea bahawa William Cameron mempunyai kawasan lombong emas di Jelai diperolehi dari hipoteks. Namun begitu beberapa perubahan seperti nama William Cameron ditukar kepada Profesor Cameron dan pengguguran nama latar tempat telah dilakukan dalam naratif filem ini.

Dalam babak pertengahan pula, proses transformasi telah dikenalpasti. Peristiwa tersebut ialah peristiwa pengutipan cukai oleh askar-askar Sikh seperti yang diperjelaskan dalam jadual di bawah:

Jadual 5: Transformasi peristiwa pengutipan cukai oleh askar-askar Sikh

Hipoteks	Hiperteks
<p>“Sa-telah kerajaan British masuk champor memerintah di-negeri Pahang, masalah yang terutama berat di-hadapi oleh Residen British (J.P Rodger) Pahang itu hendak mengatorkan pemerentahan chara British di negeri itu ia-lah fasal hendak membuang adat memakai hamba-abdi; menghapuskan atoran mengerah (kerah) ra’ayat [rakyat] membuat kerja2 kerajaan dengan tiada berupah; menetapkan pendapatan atau gaji Sultan; menarek kuasa orang besar2 [besar-besar] yang boleh memungut cukai seperti atoran lama dan mengatorkan peratoran2 [peraturan-peraturan] memileki tanah”</p> <p>(Buyong, 1972, hlm. 246)</p>	<p>Babak ini memaparkan askar-askar Sikh yang ditugaskan untuk mengutip cukai bertindak ganas dengan memusnahkan barangan yang diniagakan apabila orang-orang Melayu enggan membayar cukai.</p> <p>(minit 29:40 hingga minit 35:40)</p>

Sumber: *Sejarah Pahang* (Buyong, 1972) dan Filem *MKKP* (Syamsul, 2022)

Dalam bahagian pengakhiran, hanya satu peristiwa sahaja yang mengalami proses transformasi. Peristiwa tersebut ialah peristiwa serangan pasukan Mat Kilau terhadap pihak British selepas persembunyian. Transformasi peristiwa ini berlaku dari segi penyalinan idea serta beberapa watak yang dipindahkan ke dalam naratif filem.

Jadual 6: Transformasi peristiwa serangan pasukan Mat Kilau selepas persembunyian

Hipoteks	Hiperteks
<p>Walaupun badan dan kaki tangan Ram Singh telah luka2 [luka-luka] tak kurang daripada 30 liang, dapat juga ia berikhtiar, berhanyut dengan sa-buah perahu hilir Sungai Pahang hingga sampai ka-Pulau Tawar lalu memberi tahu fasal Kuala Tembeling telah kena serang itu kepada Panglima Garang Yusoh orang besar yang menggantikan Tok Gajah memegang Pulau Tawar, dan juga kepada Maharaja Perba Jelai yang kebetulan masa itu ada di-Pulau Tawar.</p> <p>(Buyong, 1972, hlm. 299)</p>	<p>Babak ini memaparkan seorang askar Sikh bernama Ghuram Singh terkejut melihat kematian askar-askar Sikh yang lain akibat jerat yang dipasang oleh pasukan Mat Kilau. Askar Sikh yang terselamat itu kemudiannya berusaha keluar daripada hutan tersebut untuk menyampaikan berita tentang pasukan Mat Kilau yang datang ke Pahang untuk menyerang pihak British. Setelah berjaya menyampaikan berita tersebut, askar Sikh itu tertiarap sehingga menampakkan luka-luka di badannya.</p> <p>(minit 98:11 hingga minit 99:19)</p>

Sumber: *Sejarah Pahang* (Buyong, 1972) dan Filem *MKKP* (Syamsul, 2022)

Secara keseluruhannya, aspek peristiwa yang ditransformasikan ke naratif filem *MKKP* (2022) meliputi pemindahan idea, penyalinan latar tempat kejadian dan penyalinan watak yang terlibat daripada hipoteks yang dirujuk. Walau bagaimanapun, peristiwa yang dipindahkan mengalami beberapa perubahan dari segi latar masa dan pengguguran beberapa latar tempat tetapi idea peristiwa tersebut masih dikekalkan seperti dalam hipoteks.

#### b. Ekspansi

Terdapat tiga peristiwa dalam teks *Sejarah Pahang* (1972) yang melalui proses ekspansi apabila diangkat ke filem *MKKP* (2022). Ekspansi atau pengembangan dan perluasan yang dilakukan ini melibatkan elemen penambahan watak dan episod.



Peristiwa pertama yang mengalami proses ekspansi ialah peristiwa kehadiran Kapten H.C. Syers bersama-sama askar-askar Sikh ke Kuala Tembeling pada tahun 1890. Peristiwa ini telah dipanjangkan dengan mewujudkan beberapa watak seperti Mamat, Lazim dan Seman bagi membantu menggerakkan plot. Hal ini dapat dilihat pada minit ke 1:18 hingga minit ke 6:00. Pengembangan idea ini turut dilakukan menerusi pembunuhan orang kampung yang berlaku di Kuala Tembeling. Penambahan babak ini bertujuan memaparkan kekejaman British sebagai asbab kepada kebangkitan rakyat Melayu di Pahang.

Peristiwa kedua yang turut mengalami proses ekspansi ialah peristiwa pengutipan cukai hasil hutan oleh askar-askar Sikh pada minit 29:40 hingga minit 35:40. Idea pengutipan cukai dipaparkan melalui babak pengutipan cukai oleh askar-askar Sikh dan bantahan orang-orang Melayu terhadap cukai yang mahal. Babak ini membuktikan pengembangan hipoteks dan penambahan watak seperti askar-askar Sikh sebagai pemungut cukai, Yassin, Brahim, Mat Kilau, Awang dan orang-orang Melayu yang lain.

Peristiwa serangan pasukan Mat Kilau serta pengikutnya terhadap pihak British pada minit ke 99:14 hingga minit ke 113:35 adalah ekspansi ketiga. Babak ini telah dipanjangkan dengan pertarungan antara Mat Kilau dan watak pembunuh upahan, Toga. Kewujudan babak pertarungan tersebut adalah bagi memaparkan kekuatan Mat Kilau sebagai seorang pahlawan Melayu. Penambahan watak seperti Toga, Awang, Yasin, Wahid, Kelubi, Hitam, Pak Deris, Kapten H.C. Syers, Goh Hui dan penduduk-penduduk kampung serta askar-askar British berperanan menggerakkan penceritaan.

### *c. Eksistensi*

Elemen eksistensi ketara dilalui oleh naratif filem *MKKP (2022)*. Terdapat 12 peristiwa dalam filem ini yang tidak tercatat dalam sejarah kebangkitan tokoh Mat Kilau. Elemen eksistensi terdapat pada babak permulaan dan babak pertengahan. Dalam babak permulaan, terdapat tiga peristiwa yang diwujudkan iaitu peristiwa Mat Kilau dan rakan-rakannya memujuk Usup, peristiwa mesyuarat pembesar-pembesar Pahang dan perlawanan antara Mat Kilau dan Mat Lela. Dua daripada peristiwa tersebut diwujudkan sebagai penggerak cerita, manakala, satu peristiwa lagi diwujudkan untuk memperkenalkan watak sampingan dan latar belakangnya. Dalam babak pertengahan pula, terdapat lapan peristiwa yang telah diwujudkan dalam filem secara eksistensi. Peristiwa-peristiwa yang diwujudkan menerusi babak pertengahan ini keseluruhannya cenderung berfungsi sebagai sebab dan akibat bagi menggerakkan naratif filem ini. Peristiwa-peristiwa tersebut adalah pergaduhan Mat Kilau dan Awang di jeti, peristiwa Kapten H.C. Syers berunding dengan Goh Hui untuk memujuk Pak Deris menjadi pembelot, Kapten H.C. Syers memburu Mat Kilau, perjumpaan antara Goh Hui dengan Pak Deris, Awang mencuri senjata British, pembunuhan Rokiah oleh pihak British, peristiwa Wahid ditawan dan diseksa, peristiwa pembesar-pembesar Pahang berjumpa Kapten H.C. Syers dan peristiwa Mat Kilau dan Wahid menggertak Pak Deris.

## BUDAYA

Aspek budaya dalam filem *MKKP (2022)* telah melalui dua prinsip intertekstualiti iaitu transformasi dan modifikasi. Transformasi budaya dalam filem ini meliputi penyalinan, pemindahan dan penjelmaan budaya yang dilakukan menerusi hipoteks ke hiperteks. Manakala, modifikasi budaya dalam filem ini dapat dikenal pasti menerusi pengubahsuaian, perubahan dan pemindaan budaya yang dilakukan terhadap hipoteks.

*a. Transformasi*

Budaya yang ditransformasikan ke dalam filem ini dapat dikategorikan kepada budaya kebendaan dan bukan kebendaan. Bagi aspek budaya kebendaan, budaya penggunaan senjata dan busana telah mengalami transformasi. Tiga jenis senjata iaitu keris, arit dan tjabang telah dihadirkan dalam filem ini. Ketiga-tiga senjata yang ditransformasikan dapat dikategorikan sebagai alat untuk memerangi musuh, manakala senjata keris sebagai lambang status seseorang. Keris dalam filem *MKKP (2022)* dikenakan oleh beberapa watak terutamanya Mat Kilau. Watak-watak lain yang turut memakai keris di pinggang sebagai lambang kedudukan adalah Pak Deris, Dato' Bahaman dan Dato' Raja Ali Muhamad. Mat Kilau dan pembesar-pembesar Melayu dalam filem ini menyelitkan keris di kain sampin di bahagian hadapan tengah badan dan sedikit ke kiri, seperti Gambar 1 berikut:



Gambar 1: Pemakaian Keris oleh Mat Kilau  
Sumber: Filem *MKKP (2022)*



Gambar 2: Pemakaian Keris oleh Dato' Raja Haji Muhammad  
Sumber: Filem *MKKP (2022)*

Pemakaian keris dalam filem ini merupakan suatu usaha transformasi budaya daripada teks sejarah tokoh Mat Kilau ke dalam filem. Hal ini dapat dibuktikan menerusi hipoteks di bawah:

Ditanya mengenai warisan Mat Kilau yang masih disimpan, beliau menunjukkan mata lembing dan keris pusaka yang dirahsiakan namanya. Beliau berkata, keris itu merupakan salah satu daripada keris utama Mat Kilau yang digunakan sebagai pengenalan diri ketika menghantar utusannya untuk menemui seseorang.

(Talib & Azhar, 2013, hlm. 94)

Petikan di atas membuktikan bahawa senjata keris ini sememangnya telah digunakan oleh Mat Kilau pada zaman perjuangannya. Selain menjadi lambang kedudukan rakyat, keris juga dijadikan senjata menentang musuh. Menerusi filem *MKKP (2022)*, penggunaan keris sebagai senjata hanya dipaparkan menerusi watak Mat Kilau dan Pak Deris pada minit 102:37 dan minit 111:12. Kedua-dua watak ini menggunakan keris sebagai senjata untuk menikam pihak British ketika dalam pertarungan. Pemaparan penggunaan keris sebagai senjata menentang British dapat dilihat dalam gambar di bawah:



Gambar 3: Penggunaan Keris sebagai Senjata oleh Mat Kilau  
Sumber: Filem *MKKP (2022)*



Gambar 4: Penggunaan Keris sebagai Senjata oleh Mat Kilau  
Sumber: Filem *MKKP (2022)*

Transformasi budaya penggunaan keris sebagai senjata dalam pertarungan dapat dibuktikan menerusi hipoteks di bawah:

Nampak-nya keris yang telah di-gunakan menikan Goh Hui itu ialah keris Melela, dan di negeri Pahang keris jenis itu di-pakai oleh orang2 [orang-orang] Melayu di Pekan sahaja.

(Buyong, 1972, hlm. 230)

Budaya pemakaian dan penggunaan keris ini adalah transformasi identiti masyarakat Melayu. Keris adalah sebahagian daripada lambang jati diri orang Melayu sejak ratusan tahun lalu sekaligus menjadi ikon ketinggian dan peradaban budaya Melayu.

Selain keris, arit dan tjabang juga turut dipaparkan dalam filem *MKKP (2022)*. Arit ialah sejenis alat tangan yang digunakan dalam kegiatan pertanian, termasuklah memotong rumput atau menuai tanam-tanaman. Bentuknya melengkung seperti bulan sabit, dan bahagian dalamnya tajam sepertimana luar dan matanya (Donn, 1972). Dalam filem, Wahid dipaparkan sebagai seorang yang mahir menggunakan senjata arit.

Tjabang pula berbentuk cabang tiga dengan cabang utama lebih panjang daripada cabang dikiri dan kanannya. Tjabang juga disenaraikan sebagai salah satu senjata yang digunakan dalam seni bela diri pencak silat (Donn, 1972). Penggunaan senjata tjabang ini dipaparkan melalui watak Brahim dalam latihan pertarungan dan pertempuran dengan British.

Busana dalam filem *MKKP (2022)* turut melalui transformasi. Terdapat dua kategori pakaian, iaitu pakaian dan hiasan kepala bagi rakyat biasa dan golongan bangsawan. Pakaian rakyat biasa bagi kaum lelaki adalah baju, seluar panjang, kain diikat di pinggang sehingga paras lutut dan memakai destar di kepala. Hal ini dapat dilihat menerusi beberapa watak seperti Mat Kilau, Awang, Wahid, Yassin, Brahim, Usup, Mat Lela, dan watak orang kampung merujuk kepada gambar 5 di bawah:



Gambar 5: Pakaian Lelaki Rakyat Biasa  
Sumber: Filem *MKKP (2022)*

Pakaian lelaki rakyat biasa dalam filem ini merupakan salah satu proses transformasi budaya yang disalin dan dipindahkan daripada catatan sejarah oleh Winstedt (1923) yang menyatakan bahawa lelaki Melayu memakai baju dan seluar yang longgar bersama kain sarong yang diikat dipinggang sehingga paras lutut serta sehelai kain atau songkok yang dipakai di atas kepala. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan di bawah:

*... the Malay man's national dress consists of loose trousers, a loose jacket, and a tartan skirt (sarong) bundled about his waist and reaching to his knees: on his head he wears a kerchief or a velvet cap.*

(Winstedt, 1923)

Pakaian rakyat bangsawan dalam filem ini pula hanya dipaparkan melalui watak Dato' Raja Haji Muhamad sahaja. Pakaian yang dipakai oleh beliau merupakan baju dan seluar yang diperbuat daripada kain songket. Hal ini dapat dikenal pasti menerusi corak yang ada pada baju dan seluar dipakai oleh Dato' Raja Haji Muhamad merujuk kepada gambar 6 di bawah:



Gambar 6: Pemakaian Baju Songket oleh Dato' Raja Haji Muhamad  
Sumber: Filem *MKKP* (2022)

Kain songket dapat dikenal pasti melalui sulaman corak dan motif terdiri daripada benang emas atau perak, benang berwarna atau benang metalik yang bercahaya dan beraneka warna (Norwani, 2007). Menurut Rahmah dan Nor Azlin (2002), songket ditunen khas untuk kegunaan Diraja dan golongan bangsawan yang menjadi lambang status seseorang. Menerusi filem *MKKP* (2022), Syamsul Yusuf mentransformsikan pemakaian kain songket yang bersulam benang berwarna perak yang dipakai oleh Dato' Raja Haji Muhammad sebagai lambang kedudukan beliau.

Hiasan kepala rakyat biasa dapat dilihat menerusi pemakaian destar iaitu hiasan kepala menggunakan kain biasa yang diolah menggunakan tangan dipanggil sebagai destar (Johan, 2018) oleh beberapa watak seperti Mat Kilau, Awang, Wahid, Yassin, Brahim, Usup dan orang-orang kampung merujuk gambar 7 di bawah:




Gambar 7: Pemakaian Destar oleh Awang, Brahim dan Yassin  
Sumber: Filem *MKKP* (2022)

Transformasi pemakaian destar dalam filem ini adalah bagi membezakan status sesebuah watak sama ada rakyat biasa atau golongan bangsawan. Transformasi pemakaian destar ini juga berperanan menggambarkan daya kreativiti yang tinggi masyarakat Melayu terdahulu dalam cara pemakaian.


Golongan bangsawan dalam filem ini pula mengenakan hiasan kepala yang dipanggil sebagai tengkolok. Satu-satunya watak yang memakai tengkolok dalam filem *MKKP (2022)* ialah watak Dato' Raja Haji Muhamad. Hal ini dapat dikenal pasti daripada perbezaan kain yang digunakan oleh Dato Raja Haji Muhamad untuk membuat hiasan kepala iaitu dengan menggunakan kain songket. Berbeza dengan hiasan kepala destar rakyat biasa yang hanya menggunakan kain biasa seperti kain pelikat.

Transformasi seni bela diri silat dapat dikenal pasti menerusi pemaparan aksi silat sebanyak 21 peratus daripada filem *MKKP (2022)*. Pemaparan silat dalam filem ini dipaparkan menerusi lapan babak (25:12-26:47; 32:46-35:49; 40:37-42:09; 65:50-66:07; 75:10-80:27; 95:44-95:59; 101:02-111:34). Menerusi lapan babak tersebut, silat diangkat sebagai kaedah utama dalam melawan dan mempertahankan diri dari musuh. Aksi silat ditampilkan melalui watak-watak seperti Mat Kilau, Awang, Wahid, Yassin, Brahim dan Mat Lela. Pemaparan budaya seni silat dapat dilihat merujuk gambar 8 di bawah:



Gambar 8: Pertarungan Silat antara Mat Kilau dengan Mat Lela  
Sumber: *MKKP (2022)*

Filem ini juga telah mentransformasi beberapa gerak Silat Cekak Pusaka Hanafi dalam aksi silatnya. Hal ini dapat dikesan daripada gerak aksi silat Mat Kilau dalam filem yang menyerupai pergerakan ibadah solat dalam Islam seperti takbiratulihram dan qiam. Menurut Muhammad Hasnimizan dan Muammar (2019), bentuk gerak buah Silat Cekak Pusaka Hanafi merupakan ilham daripada pergerakan berdoa, qiam, rukuk dan takbiratul ihram. Pergerakan silat oleh Mat Kilau dalam filem boleh dibandingkan dengan pergerakan Silat Cekak Pusaka Hanafi menerusi Gambar 9 dan Gambar 10 di bawah:



Gambar 9: Pergerakan Silat Cekak Pusaka Hanafi  
Sumber: YouTube MPP UiTM KBM (2021)



Gambar 10: Pergerakan Silat Cekak Pusaka Hanafi.  
Sumber: YouTube MPP UiTM KBM (2021)

#### *b. Modifikasi*

Modifikasi budaya dalam filem ini meliputi budaya kebendaan dan bukan kebendaan. Budaya kebendaan yang telah melalui prinsip modifikasi ialah pemakaian kain sarong oleh watak wanita. Manakala, bagi budaya bukan kebendaan adalah dari segi bahasa pertuturan yang diujarkan dalam filem.

Modifikasi pakaian wanita ini dapat dikenal pasti menerusi transformasi pemakaian kain sarong di atas kepala oleh dua watak wanita iaitu Yang Chik dan Rokiah serta watak wanita kampung yang lain. Pemakaian kain sarong di atas kepala sepertimana yang ditransformasikan dalam filem ini telah mengalami sedikit pengubahsuaian iaitu dari segi pemakaian anak tudung sebelum menyarungkan kain sarong di atas kepala oleh setiap watak wanita dalam filem merujuk gambar 11 di bawah:



Gambar 11: Pemakaian Kain Sarong oleh Watak Wanita  
Sumber: MKKP (2022)

Menurut catatan Winstedt (1923), pakaian wanita Melayu sebelum zaman kemerdekaan meliputi kain sehingga paras buku lali, baju sehingga paras lutut, dan berkain sarong di atas kepala. Menerusi catatan tersebut, tidak tercatat tentang pemakaian anak tudung oleh wanita pada zaman sebelum kemerdekaan. Malah, wanita pada zaman tersebut tidak menutup aurat dengan sempurna sepertimana yang ditampilkan dalam filem. Berbeza dengan apa yang dipaparkan oleh Syamsul Yusuf, semua watak wanita dalam filem mengenakan anak tudung dan kain sarong dengan sempurna bagi menutup aurat. Syamsul Yusuf telah mengubah suai pemakaian kain sarong atas kepala wanita zaman dahulu dengan mengenakan anak tudung supaya aurat pelakon wanitanya terjaga.

Bagi modifikasi bahasa pertuturan pula, filem *MKKP (2022)* menampilkan dialog pertuturan daripada tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Gujarati. Menerusi ketiga-tiga bahasa ini, bahasa Melayu yang diujarkan dikenal pasti menggunakan bahasa Melayu standard dan bahasa Melayu kolokial. Namun, menurut Lienehan (1973), orang Pahang mempunyai dialek yang tersendiri ketika bertutur. Dialek Pahang terdiri daripada beberapa subdialek (Asmah, 2008). Subdialek yang wujud terbentuk daripada sistem sungai (Collins, 1983). Walau bagaimanapun, Syamsul Yusuf memilih untuk tidak menggunakan dialek Pahang dan menggunakan bahasa Melayu standard dalam filem ini kerana berhasrat untuk memperkenalkan filemnya secara global (Pure Pixels, 2022). Oleh sebab itu, Syamsul mengubahsuai pertuturan dialek Pahang kepada bahasa standard dan bahasa Melayu kolokial. Walau bagaimanapun, modifikasi terhadap pertuturan ini tidak menjejaskan jalan cerita yang ingin diketengahkan oleh Syamsul Yusuf.

#### KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, artikel ini menemukan bahawa watak dan perwatakan, peristiwa dan budaya dalam filem *MKKP (2022)* telah melalui proses kreatif. Ketiga-tiga aspek tersebut telah mengalami beberapa prinsip intertekstualiti. Watak dan perwatakan serta peristiwa telah melalui prinsip transformasi, ekspansi dan eksistensi. Manakala, aspek budaya yang meliputi budaya kebendaan dan bukan kebendaan telah melalui dua prinsip sahaja iaitu transformasi dan modifikasi. Pengaplikasian teori intertekstualiti oleh Julia Kristeva ini dapat merungkakan permasalahan tentang isu fakta sejarah yang tidak tepat dalam filem *MKKP (2022)*. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis ini dapat membuktikan bahawa filem ini telah mengalami beberapa prinsip yang meliputi transformasi, modifikasi, ekspansi dan eksistensi menerusi aspek watak, peristiwa dan budaya seterusnya berjaya mengesan beberapa hipoteks yang menjadi sumber rujukan Syamsul Yusuf dalam mengembangkan idea penceritaan. Menerusi pelbagai hipoteks yang dirujuk, dapat dikesan bahawa Syamsul Yusuf cenderung merujuk teks *Sejarah Pahang (1972)*. Selain itu, hubungan antara pelbagai hipoteks dengan filem *MKKP (2022)*, membuktikan bahawa Syamsul Yusuf menjadikan hipoteks yang dirujuk sebagai inspirasi kepada filemnya kerana menerusi pemindahan watak, peristiwa dan budaya yang dilakukan oleh beliau turut diubahsuai, dipanjangkan dan ditambah mengikut kehendak dan kesesuaian semasa. Oleh itu, artikel ini telah membuktikan bahawa empat prinsip intertekstualiti yang hadir dalam filem ini merupakan faktor kepada fakta yang tidak tepat dalam filem *MKKP (2022)*.

#### BIODATA

*Siti Nur Izra Safra' Abd Halim* ialah pelajar Sarjana Sastera dalam bidang Kesusasteraan Melayu di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Email: izrasafra@gmail.com

*Nur Afifah Vanitha binti Abdullah* adalah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: nurafifah@ukm.edu.my



RUJUKAN

- Ariff Bukhari Ahmad Basri. (2014). *Analisis naratif teknik kesan khas visual (VFX) dalam filem Hikayat Merong Mahawangsa dan Libas* [Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah].
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Susur galur Bahasa Melayu* (2nd ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Astro Awani. (2022, Julai 25). Mat Kilau cecah RM 90 juta, Syamsul Yusof akui filemnya tidak sempurna. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/mat-kilau-cecah-rm90-juta-syamsul-yusof-akui-filemnya-tidak-sempurna-372791>
- Ayu Haswida Abu Bakar. (2015). Konsep tema 'Islamik' dalam 'Filem Islamik' *Syurga Cinta* (2009). *Jurnal Pengajian Melayu*, 26, 167-185.  
[https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published\\_article/61222/8.pdf](https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/61222/8.pdf)
- Buyong bin Adil. (1972). *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1983). Dialek Pahang: Rangka pengenalan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 2.
- Desmond, J., & Hawkes, P. (2006). *Adaptation: Studying film and literature*. NY: McGraw Hill.
- Donn, E. D. (1972). *Weapons & fighting arts of the Indonesian Archipelago*. Vermont: Charles E. Tuttle Company.
- Fairuladlan Hamadun. (2018). Sejarah penerbitan wayang dan teknik penyuntingan babak filem *Hang Tuah* (1956). *International Journal of Creative Future & Heritage*, 6(2), 17-52. [https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published\\_article/98126/2.pdf](https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/98126/2.pdf)
- Fairuladlan Hamadun, Nasirin Yusoff, & Nur Syahirah Anani Nor Adzli. (2021a). Representasi stailistik Filem *Hang Tuah* (1956). *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(1), 1–17. <https://doi.org/10.47252/teniat.v9i1.387>
- Fairuladlan Hamadun, Nasirin Yusoff, & Nur Syahirah Anani Nor Adzli. (2021b). *Hikayat Merong Mahawangsa* (2011) from film history perspective. *AIP Conference Proceedings*, 2347(1), 020164. <https://doi.org/10.1063/5.0051906>
- Field, S. (1990). *Lakon layar asas penulisan skrip* (Terj. Raja Omar Ibrahim). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gopinath, A. (1991). *Pahang, 1880-1933: A political history*. Kuala Lumpur: Council of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Johan Iskandar. (2018). *Destar Alam Melayu: Asal-usul, sejarah dan penggunaan*. Shah Alam: Akademi Seni Tradisional Warisan Melayu.
- Kristeva, J. (1980). *Desire in language – A semiotic approach to literature and art*. Oxford: Columbia University Press.
- Mawar Safei. (2010). *Novel intertekstual Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Nazreen Shahrul Hamid. (2014). Filem Hikayat Merong Mahawangsa: Interpretasi dan Komersialisme. *Tunas Cipta*, Bil. 12.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid, & Md Salleh Yaapar. (2015). Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa kepada filem: Analisis perbandingan unsur naratif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 201-223.  
<https://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/4488>
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Md. Salleh Yaapar, & Sahidin Nitiphak. (2020). *Adaptasi teks sejarah kepada filem: Kajian bandingan teks sejarah Kerajaan Melayu Patani of Langkasuka*. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(2), 299-318.  
[https://doi.org/10.37052/jm.13\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/jm.13(2)no6)
- Mohd Pauzi Ab. Raof. (2011). Peristiwa Bukit Kepong dalam novel *Bukit Kepong* dan Filem *Bukit Kepong* berdasarkan pendekatan historisme baru [Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia].

- MPP UiTM KBM. (2021, April 3). *KELAB PSSCM - [H.O.M.E 2021]* [Video]. YouTube. <https://youtu.be/66Evf49qMs0>
- Muhammad Hasnimizan Ishak, & Muammar Ghaddafi Hanafiah. (2019). Seni bela diri Melayu dalam Silat Cekak Pusaka Hanafi. *Akademika*, 89(1), 69-79. <https://ejournals.ukm.my/akademika/article/view/31249>
- Muhammat Md Noh, & Mastura Muhammad. (2021). Character portrayal and Malay women characters in Malay classical cinema during studio era: *Musang Berjanggut* (1959), *Tun Fatimah* (1962). *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 26-39. [https://ejssh.uitm.edu.my/images/Vol5April2021/11378ART\\_EJSSHVOL5\\_3\\_APR2021.pdf](https://ejssh.uitm.edu.my/images/Vol5April2021/11378ART_EJSSHVOL5_3_APR2021.pdf)
- Nor Hafidah Ibrahim, Melor Fauzita Md. Yusoff, & Rohaya Md. Ali. (2018). Leftenan Adnan: Manifestasi penggunaan retorik dalam filem. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*, 578-585.
- Norwani Md Nawawi. (2007). *Malaysian songket*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Shaeda Abd Rahman. (2017). Self determination menerusi watak wanita dalam filem *Embun* (2002) dan *Paloh* (2003) [Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi MARA].
- Rahmah Bujang, & Nor Azlin Hamidon. (2002). *Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Rosaini Mahmud. (2011). Nilai-nilai murni dalam filem *Bukit Kepong* dan penggunaan filem dalam pengajaran [Tesis Ijazah, Universiti Putra Malaysia].
- Shuib Dan. (2005). *Konsep alam pantun Melayu: Analisis intertekstualiti* [Tesis Sarjana, Universiti Malaya].
- Siti Rahimah Buniamin. (2013). Patriotisme sebagai elemen sinema nasional: Kajian terhadap filem *Tanda Putera* (2013) [Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi MARA].
- Syamsul Yusuf. (Pengarah). (2022). *Mat Kilau: Kebangkitan pahlawan* [Filem]. Studio Kembara.
- Talib Samat. (2007). *Jejak Pahlawan Mat Kilau: Tokoh Pahlawan Nasional*. Bukit Mertajam, Pulau Pinang: Goal Intelligent Pub.
- Talib Samat, & Azhar Wahid. (2013). *Menelusuri perjuangan tiga tokoh pahlawan (Rawa) Pahang: Tok Shaharom, Tok Gajah dan Mat Kilau*. Tanjung Malim: Penerbit Mentari.
- Winstedt, R. O. (1923). *MALAYA The Straits Settlements and the Federated and underated Malay States*. London: Constable & Co Ltd.
- Zaidi Mohamad. (2022, Jun 26). *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan raih RM3 juta*. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/wayang/2022/06/970004/mat-kilau-kebangkitan-pahlawan-raih-rm3-juta>